

NAMA: _____

KELAS: _____

KATA GANTI NAMA DIRI PERTAMA

A) Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri pertama yang betul.

saya	aku	beta	patik	hamba
	kami	kita		

1. Pemeliharaan alam sekitar menjadi tanggungjawab _____ bersama.
2. "Kedatangan _____ ini membawa hajat besar," kata Mak Limah kepada Datuk Temenggung.
3. "_____ tidak tahu bahawa tuanku akan mencemar duli ke majlis ini," kata Temenggung Dali kepada Sultan Mahmud.
4. Saya dan Suzie berjiran. _____ tinggal di Taman Jasmine.
5. "Kalau engkau tidak ada kerja, marilah ikut _____ ke perpustakaan," kata Murni kepada Diana.
6. "_____ akan berangkat ke Pulau Langkawi esok," titah Sultan Sulaiman.
7. "_____ berharap dapat mengikut ayah ke bandar pada hari ini," kata Lukman kepada ibunya.
8. "Ibu, duit _____ hilang," kata Umar kepada ibunya.
9. "_____ akan menghadiri majlis sambutan hari jadi awak," kata Zurina dan adiknya.
10. "_____ akan memberikan bantuan kepada mangsa banjir di Pahang, titah Yang di Pertuan Agung.

B) Baca dan teliti penggunaan kata ganti nama diri pertama dalam ayat-ayat di bawah. Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ayat tersebut.

1. "Kita akan datang ke rumah engkau pada hari Ahad," kata Zakuan kepada Hamid.

2. "Kami akan siapkan kerja yang cikgu beri sebelum balik," kata murid-murid kelas 3 Nilam.

3. "Hamba rindu akan anak-anak hamba," kata Pak Pandir kepada Hang Lekir.

4. "Beta akan menziarahi nenek di kampung pada minggu hadapan," kata Irdina kepada Zalina.

5. "Patik akan melaksanakan titah taunku dengan segera," kata Datuk Bendahara kepada Sultan Idris.

6. "Aku akan pulangkan buku awak setelah selesai membacanya," kata Muiz kepada Diana.

7. "Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk membalas jasa ibu dan bapa," kata Hafiz.

8. "Kita perlu memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam," kata Puan Haida kepada anak-anaknya.

9. Menjaga kebersihan kelas merupakan tanggungjawab kita bersama.

10. "Saya sangat kagum dengan keberanian tuanku," kata Khairul kepada Raja Ahmad.